



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (90288-V)

Tingkat 5, Menara I & P 1,

Tel: +60 3 2095 3030

No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,

Fax: +60 3 2095 2121

50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

NEWSPAPER CLIPPING

Media Organisation :	Utusan Malaysia
Date :	30/9/2015

Nilai ringgit tidak terlalu beri impak kepada kos bina MRT

KUALA LUMPUR 29 Sept. - Kos komponen yang diimport untuk digunakan di laluan satu sistem Transit Aliran Massa (MRT) hanya mencatatkan peningkatan sebanyak RM600,000 daripada jumlah asalnya RM4 bilion disebabkan kejatuhan nilai ringgit.

Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.), Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata, walaupun kos itu mencatat peningkatan, ia tidak memberi kesan yang besar kepada proses pembinaan MRT yang sedang dijalankan.

"Kejatuhan nilai ringgit berbanding mata wang utama dunia hanya memberi impak minimum dalam pembinaan MRT.

"Penambahan kos sebanyak RM600,000 itu hanya membabitkan kos komponen yang diimport seperti tren dan lain-lain," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat tapak Pusat Latihan Projek MRT Lembah Klang (KVMRT) di sini semalam.

Pusat latihan tersebut dirasmikan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Selain itu, turut hadir Pengarah, MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn. Bhd., Datuk Azmi Mat Nor;

Pengerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Holdings, Datuk Seri Prof. Ir. Dr. Judin Abd. Karim; Ketua Eksekutif CIDB Holdings Sdn. Bhd., Sr. Abd. Latif Hitam, Ketua Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Ir. Rosli Hussin.

Kerja pembinaan laluan MRT dari Sungai Buloh ke Jalan Semantan dijangka siap penghujung tahun depan manakala kerja pembinaan dari Jalan Semantan ke Kajang pula pada Julai 2017.

Dalam pada itu, mengulas mengenai laluan dua, Shahril menjelaskan, kos pembinaan bagi projek itu kira-kira RM28 bilion termasuk pengiraan risiko yang mungkin dihadapi sepanjang pembinaan dijalankan.

"Kita telah menghantar paparan awam untuk projek itu kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan keputusan dijangka dimaklumkan pada pertengahan atau akhir Oktober ini.

"Bagaimanapun, kita yakin mendapat kelulusan daripada SPAD dan pembinaan projek MRT bagi laluan dua akan dimulakan pada suku pertama tahun hadapan iaitu Januari hingga Mac," katanya.



Penambahan kos sebanyak RM600,000 itu hanya membabitkan kos komponen yang diimport seperti tren dan lain-lain."

SHahril MOKHTAR
Ketua Pegawai Eksekutif
Mass Rapid Transit Corporation
Sdn. Bhd. (MRT Corp.)